

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, 2 December, 2019 4:16 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Sukan Bukan Sekadar Kemenangan Tetapi Kukuh Ukhwah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

2 DISEMBER 2019 / 5 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

SUKAN BUKAN SEKADAR KEMENANGAN TETAPI KUKUH UKHWAH



UUM ONLINE: Atlet universiti diingatkan supaya bukan menjadikan kejohanan sukan sebagai medan untuk merangkul kemenangan semata-mata, malah menjadi platform untuk mengukuhkan ukhwah antara satu sama lain.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, walaupun Kejohanan Sukan Universiti Utara Malaysia (SUKUUM) bersifat sebuah kejohanan dan pertandingan, namun sukan bukan sahaja berkaitan kemenangan semata-mata tetapi merupakan tempat mengeratkan silaturrahim.

Bagaimanapun, katanya, beliau mengucapkan tahniah kepada atlet yang meraih pingat sepanjang kejohanan berlangsung, manakala bagi atlet dan pasukan yang kurang bernasib baik, tetap diucapkan syabas kerana telah membuktikan usaha terbaik untuk memberi saingan paling sengit kepada rakan-rakan yang lain.

"Sesungguhnya, akal yang sihat hadir daripada badan yang cergas dan kata-kata ini membuktikan betapa pentingnya aturan hidup disulami dengan aktiviti sukan yang akhirnya akan mengharmonikan setiap perjalanan hidup seseorang.

"Saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus menyumbangkan khidmat bagi menjayakan Kejohanan SUKUUM 2019 ini," katanya pada Majlis Perasmian Penutup Kejohanan SUKUUM 2019 di Stadium UUM, semalam.

SUKUUM menjadi platform untuk mencungkil bakat atlet baharu bagi mewakili universiti dalam kejohanan utama institusi pendidikan tinggi (IPT) yang dijalankan dalam bentuk dua fasa yang mana fasa pertama berlangsung pada Mac lalu, manakala fasa kedua baru melabuhkan tirainya malam tadi.

Sebanyak lapan acara sukan dipertandingkan dalam SUKUUM fasa kedua ini iaitu futsal (lelaki dan wanita), bola sepak 9 sebelah, badminton (lelaki dan wanita), bola tampar (lelaki dan wanita) dan Aerobik Dance Campuran.

Johan keseluruhan telah dimenangi Inapan Siswa (INASIS) MISC dengan pungutan mata terkumpul sebanyak 154 mata dan jumlah pingat sebanyak tujuh emas, satu perak dan enam gangsa.

Pemenang bagi juara keseluruhan menerima piala pusingan dan hadiah wang tunai berjumlah RM1,000.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.